

## Fleksi *I'rab* Dalam Bacaan Kefahaman Bahasa Arab

SITI NURHAJARIAH MD ISA

[nurhajariah@kuis.edu.my](mailto:nurhajariah@kuis.edu.my)

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

AWATIF ABDUL RAHMAN

[awatif@kuis.edu.my](mailto:awatif@kuis.edu.my)

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### ABSTRAK

Arabic reading comprehension skill requires the integration of skills in recognizing visual graphic symbols, that represent language or words, with the sounds of the symbols that contains semantic meanings therein. Graphic symbols that contains semantic meaning can be found in the form of words or sentences. In the context of the sentence, the words need to be arranged the arrangement that contains meaning. The sentences is then supported by a flexible *i'rab* in determining the way of reading the last line of each of the words. The flexible *i'rab* help the readers to determine the meaning embodied in each of these words, and to determine the meaning of the verse itself. Failure in determining flexible *i'rab* for each word in the sentences can affect the interpretation of the meaning in the text. Thus, the teaching and learning of Arabic language should emphasizes on flexible *i'rab* as an effort to help students gain a proper understanding through their reading. This emphasis can be done through implementation of innovation in approaches and techniques of Arabic Language teaching and learning especially on reading and comprehension skill.

**Keyword:** Arabic Language, Flexible *i'rab*, Reading Comprehension.

### Pendahuluan

Bacaan kefahaman memerlukan pelajar mengintegrasikan kemahiran mengenal simbol-simbol visual grafik yang mewakili bahasa atau perkataan dengan bunyi simbol-simbol tersebut serta makna semantik yang terangkum di dalamnya. Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Harris dan Sipay (1980) yang menyifatkan membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Begitu juga dengan Kennedy (1981) yang mendefinisikan membaca sebagai keupayaan individu untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan), menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui, dan seterusnya memahami dan mentafsirkan maksudnya. Kenyataan ini disokong oleh Nik Rahimi et. al. (2008) yang menyatakan bahawa membaca merupakan proses menafsir bahasa atau simbol-simbol bunyi bahasa kepada suatu makna yang difahami.

Berdasarkan takrifan-takrifan membaca ini, dapat dijelaskan bahawa bacaan merangkumi simbol-simbol grafik yang bertulis dan makna semantik yang terkandung di dalam simbol-simbol tersebut. Justeru kemahiran membaca merupakan kemahiran fizikal

dalam mengenal simbol-simbol grafik bahasa serta kemahiran kognitif dalam menafsir makna yang terkandung di sebalik simbol-simbol tersebut. Simbol-simbol grafik bahasa yang mempunyai makna semantik sama ada terangkum dalam bentuk huruf, perkataan atau ayat. Dalam konteks ayat, perkataan-perkataan perlu disusun dengan susunan yang membawa makna. Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Fuad Ni'mat (1983) bahawa ayat yang lengkap merupakan rangkuman daripada dua atau lebih perkataan yang membawa maksud yang sempurna. Manakala Taman Hassan (2001) menyatakan bahawa ayat ialah unsur yang tidak terpisah daripada bahasa.

Walau bagaimanapun, perbezaan sistem bahasa antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu sering menjadi faktor utama permasalahan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Sistem bahasa Arab yang kompleks membuatkan pelajar sukar menguasai bahasa ini terutamanya yang membabitkan kemahiran berbahasa. Menurut Jassem (2000) pelajar-pelajar Melayu di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua selalunya menghadapi kesukaran dalam mempelajari maharat al-arba' (kemahiran yang empat) iaitu mendengar bertutur membaca dan menulis. Menurut Mat Taib Pa (2007) pengabaian *i'rab* merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab.

Antara unsur yang menjadikan kemahiran bacaan kefahaman itu menjadi sukar ialah kewujudan sistem *i'rab*. Ia merupakan ciri utama bahasa Arab yang menjadikan bahasa tersebut berbeza daripada bahasa-bahasa lain di dunia. Ini kerana pembentukan serta penyusunan bahasa Arab begitu teliti dan terperinci hasil daripada kaedah *i'rab* ini. *i'rab* sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Manzur dalam tulisannya Lisan al-Arab (tt) ialah kejelasan, iaitu kejelasan makna melalui lafaz. Manakala Fairuz Abadi (1995) menyifatkan *i'rab* sebagai kejelasan tentang sesuatu, dan *i'rab* untuk melindungi kalam (ayat) daripada kesalahan. Melalui dua takrifan ini, jelaslah bahawa *i'rab* mempunyai hubungan yang kuat dengan kejelasan suatu ayat bahasa Arab itu sama ada kejelasan lafaz atau makna, serta menjadikan bahasa Arab itu indah dan selamat. Kejelasan lafaz melalui pembuktian hubungan antara satu perkataan dengan suatu perkataan yang lain, manakala kejelasan makna melalui rangkuman maksud yang terdapat disebalik perkataan berdasarkan susunan serta tanda-tanda fleksi *i'rab* yang terdapat pada suatu perkataan tersebut.

Dalam makalah ini, penulis akan membahaskan miskonsepsi pelajar terhadap sistem fleksi *i'rab* ini serta bagaimana fleksi *i'rab* beserta tanda-tandanya berfungsi dalam menjaga tekstur fizikal teks seterusnya menentukan maksud yang tersirat di sebalik teks tersebut. Kajian ini dilakukan melalui tinjauan kepustakaan dan literatur.

## **Metodologi Kajian**

Makalah ini merupakan sebuah hasil kajian kepustakaan yang melibatkan penelitian terhadap teks-teks ilmiah terpilih yang membahaskan tentang konsep fleksi *i'rab*, peranan fleksi *i'rab* dalam bacaan kefahaman, miskonsepsi pelajar terhadap fleksi *i'rab*, serta peranan pendidik dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran fleksi *i'rab*.

## Miskonsepsi Pelajar Terhadap Fleksi *i'rab*

Pelajar didapati menghadapi masalah dalam membaca ayat Arab dengan bacaan yang betul. Masalah ini dilihat berpunca daripada kegagalan pelajar dalam menentukan fleksi *i'rab* bagi perkataan-perkataan yang terangkum di dalam suatu ayat lengkap khususnya perkataan-perkataan yang melibatkan *ism mu'rab*. Kegagalan dalam menentukan fleksi *i'rab* ini seterusnya membawa kepada kegagalan dalam memahami maksud yang terkandung di dalam ayat tersebut. Kegagalan pelajar dalam menentukan fleksi *i'rab* bagi setiap perkataan yang terangkum di dalam satu-satu ayat itu hakikatnya telah menjejaskan interpretasi pelajar dalam menafsir makna semantik yang terangkum di dalam ayat tersebut.

Asas pembentukan ayat dalam bahasa Arab sentiasa didasari oleh kaedah-kaedah tertentu. Kaedah ini menetapkan tatacara penyusunan perkataan-perkataan untuk menjadi suatu ayat yang difahami. Walaubagaimanapun, pembinaan ayat dalam bahasa Arab melibatkan satu lagi sistem yang dipanggil fleksi *i'rab*. Sistem ini digunakan dalam menentukan tanda-tanda fleksi *i'rab*. Dalam konteks pembelajaran, miskonsepsi pelajar selalunya melibatkan *ism mu'rab* iaitu perkataan-perkataan yang terlibat dalam perubahan tanda fleksi *i'rab* berdasarkan perubahannya dalam susunan ayat.

*Ism mu'rab* ialah *ism* yang terlibat dalam perubahan tanda-tanda fleksi *i'rab*. Menurut Fuad Ni'mat (1983), *ism mu'rab* ialah *ism* yang berubah tanda baris akhir dengan perubahan kedudukannya dalam ayat. *Ism mu'rab* menurut beliau lagi melibatkan tiga fleksi, iaitu: *marfu'*, *mansub*, dan *majrur*.

## Konsep Dan Operasi Fleksi *i'rab* Dalam Bacaan Kefahaman

*i'rab* merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada pembentukan ayat Arab. Ini kerana, tanpa *i'rab* struktur ayat Arab itu tidak akan sempurna. Fadlullah an-Nur Ali (2012) menyebut kewujudan sistem *i'rab* ini hakikatnya diletakkan oleh para ulama' bahasa Arab. Mereka telah meletakkan peraturan-peraturan bahasa yang boleh digunakan oleh orang bukan Arab untuk mengamalkan bahasa ini. Justeru, Mat Taib Pa (2007) menyatakan adalah menjadi suatu kesilapan sekiranya ciri ini diabaikan, malah menjadi kesilapan yang lebih besar sekiranya bahasa ini dipelajari melalui pendekatan pembelajaran bahasa lain yang mempunyai ciri yang berbeza.

Dalam bahasa Arab, susunan perkataan-perkataan yang membentuk ayat dibantu oleh sistem fleksi *i'rab*. Ia berfungsi untuk menentukan cara bacaan baris akhir setiap perkataan-perkataan tersebut. *i'rab* merupakan kesan perubahan pada akhir perkataan (Ibn 'Ushfur (1971), Ibrahim Anis (1972), Abbas Hassan (1975). Manakala Fairuz Abadi (1995) menyifatkan *i'rab* sebagai suatu unsur yang menjaga kalam atau ayat daripada berlaku kesalahan. Fu'ad Ni'mah (1983) mengkategorikan fleksi *i'rab* bagi *ism mu'rab* itu kepada tiga, iaitu; *ism marfu'*, *ism mansub*, dan *majrur*. Tanda-tanda bagi setiap fleksi tersebut dapat dijelaskan seperti berikut:

1- *marfu'*;

- i. *Dhammah* (ـَ) bagi *ism* yang merujuk kepada *mufrad* (المفرد), *jama' muannath salim* (جمع المؤنث السالم), *jama' taksir* (الجمع التكميل).

- ii. *Alif* ( ا ) bagi *ism* yang merujuk kepada *muthanna* (المثنى).
- iii. *Wau* ( و ) bagi *ism* yang merujuk kepada *jama' muzakkar salim* (جمع المذكر السالم) , dan *al-asma' al-khamsah* (الأسماء الخمسة).

Contohnya:

جاء الأستاذُ / جاءت الأستاذةُ / جاءتُ الأستاذاتُ / جاء اللأستاذةُ  
 جاء الأستاذانُ / جاءتُ الأستاذتانُ  
 جاء المسلمونُ / جاء ذو العلم

2- *mansub*;

- i. *Fathah* ( - ) bagi *ism* yang merujuk kepada *mufrad* (المفرد), *jama' taksir* (الجمع التكسير).
- ii. *Kasrah* bagi *ism* yang merujuk kepada *jama' muanntah salim*.
- iii. *Ya* bagi *ism* yang merujuk kepada *muthanna* kepada *jama' muzakkar salim*,
- iv. *Alif* bagi *ism* yang merujuk kepada *al-asma' al-khamsah*.

Contohnya:

رأيتُ الأستاذَ / رأيتُ الأستاذةَ / رأيتُ الأستاذةَ  
 رأيتُ الأستاذاتِ  
 رأيتُ الأستاذينُ / رأيتُ الأستاذتينُ / رأيتُ المسلمين  
 رأيتُ ذا العلم

3- *majrur*;

- i. *Kasrah* bagi *ism* yang merujuk kepada *mufrad*, *jama' muanntah salim*, *jama' taksir*.
- ii. *Ya* bagi *ism* yang merujuk kepada *muthanna* dan *jama' muzakkar salim*.

Contohnya:

مررتُ بالأستاذِ / مررتُ بالأستاذةِ / مررتُ بالأستاذاتِ / مررتُ بالأساتذةِ  
 مررتُ بالأستاذينُ / مررتُ بالأستاذتينُ / مررتُ بالمسلمينُ / مررتُ بذي العلم

Ketetapan tanda-tanda fleksi *i'rab* perkataan-perkataan yang terangkum dalam suatu ayat Arab dapat hakikatnya menentukan makna disebalik ayat tersebut. Berdasarkan ayat berikut: *تَعَلَّمَ الطالِبُ الفقهَ في الجامعةِ*. dapat dilihat bahawa perkataan (الطالبُ) dibaca dengan *dhammah* kerana kedudukannya sebagai *fai'l* yang berfleksi *marfu'*, manakala perkataan

(الفقة) dibaca dengan *fathah* kerana kedudukannya sebagai *maf'ul bih* yang berfleksi *mansub*, dan perkataan (الجامعة) dibaca dengan *kasrah* kerana kedudukannya sebagai *majrur*.

Jelasnya, *i'rab* bukan sekadar menentukan tanda baris akhir bagi perkataan-perkataan yang terangkum dalam suatu ayat sahaja, malah ia berfungsi dalam menentukan makna ayat itu sendiri. Menurut Fadlullah an-Nur Ali (2012) *I'rab* merupakan satu unsur yang penting dalam pembentukan ayat, di mana makna semantik yang terangkum di dalam ayat tidak akan selari dengan bentuk ayat tanpa bantuan *i'rab*. Kenyataan beliau disokong oleh kenyataan oleh Ibn Faris (1975) yang menyatakan bahawa individu itu tidak akan memahami maksud ayat ضرب زيد عمرا tanpa bantuan *i'rab*, tetapi sekiranya diletakkan tanda *i'rab* ضرب زيد عمراً maka dapat difahami bahawa زيد merupakan orang yang memukul dan عمراً merupakan orang yang dipukul.

### Fleksi *i'rab* Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab

Kecenderungan sebahagian pendidik dalam mengetepikan *i'rab* dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disangkal. Sebagaimana yang telah dibahaskan, *i'rab* merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada pembentukan ayat Arab. Tanpa *i'rab* struktur ayat Arab itu tidak akan sempurna. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi para pendidik bahasa Arab untuk menekankan konsep *i'rab* ini khususnya dalam kemahiran asas membaca bahasa Arab. Ini sebagai satu usaha untuk membantu meningkatkan kemahiran bacaan kefahaman dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, ilmu *i'rab* ini hakikatnya diperkenalkan bagi menjaga bahasa Arab itu sendiri daripada kesalahan.

Sistem *i'rab* yang kompleks menjadikan pembacaan suatu ayat Arab itu kelihatan begitu sukar dan mencabar. Malah lebih teruk memberi kesan kepada pemahaman individu terhadap konteks yang terangkum di dalam ayat tersebut. Lantaran itu, pengajaran dan pembelajaran kemahiran bacaan bahasa Arab seharusnya memberi penekanan terhadap fungsi-fungsi fleksi *i'rab* ini sebagai usaha untuk membantu pelajar mendapat kefahaman yang betul dalam pembacaan mereka. Ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Mat Taib Pa (2007), *i'rab* tidak harus dilihat sebagai perubahan baris akhir sahaja, tetapi yang dimaksudkan dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Umumnya *i'rab* melibatkan makna dan bentuk bahasa itu sendiri. Justeru pengajaran *i'rab* yang berkaitan dengan makna harus dimulakan dahulu dan kemudiannya diikuti dengan *i'rab* yang berkaitan bentuk.

Penekanan ini boleh dilakukan melalui inovasi dalam pendekatan serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Inovasi dalam pendidikan ini penting kerana menurut Rogers (2003) inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baru oleh individu. Spencer (1994) pula menjelaskan inovasi sebagai suatu yang dianggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh individu. Manakala ICEI (2008) menyasarkan inovasi dalam pendidikan sebagai suatu bentuk penyelesaian baru yang dicadangkan melalui dasar-dasar, atau cara kreatif untuk memperbaharui pendidikan, budaya pendidikan baru atau idea baru untuk mengatasi beberapa masalah dalam pendidikan.

Justeru, penulis menyarankan agar para pendidik bahasa Arab dapat mengambil inisiatif serta bertindak secara kreatif dan proaktif dalam mewujudkan inovasi mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat seterusnya meningkatkan dan mempermudah pembelajaran kemahiran bacaan kefahaman bahasa Arab melalui fleksi *i'rab*. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Ahmad Khair Mohd Nor

(2005) dan Yahya Othman (2005) bahawa penguasaan kemahiran berbahasa dipengaruhi oleh pengajarannya yang berkesan. Manakala Ainol Madziah dan Isarji Hj. Sarudin (2009) menyatakan bahawa bagi menarik minat pelajar, kaedah penyampaian dalam kelas perlu diperbaiki.

## **Kesimpulan**

Jelasnya, fleksi *i'rab* mempunyai peranan yang besar dalam bacaan kefahaman bahasa Arab. Fleksi *i'rab* ini dianggap sebagai bahagian yang tidak boleh dipisahkan dalam pembentukan ayat Arab. Miskonsepsi pelajar terhadap fleksi *i'rab* pastinya akan menyebabkan kegagalan pelajar dalam memahami maksud yang terkandung dalam suatu ayat. Bahkan, miskonsepsi ini pasti akan menjejaskan interpretasi pelajar dalam menafsir makna semantik yang terangkum di dalam ayat tersebut. Lantas, penekanan terhadap fleksi *i'rab* perlu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Pengajaran dan pembelajaran fleksi *i'rab* secara tradisional tentunya tidak memberi banyak ruang kepada pelajar untuk memahami seterusnya mengaplikasikan fleksi *i'rab* dalam pembelajaran mereka. Malah lebih teruk lagi, pelajar pasti merasa bosan dengan sistem yang diamalkan sekian lama ini. Lantaran itu, inovasi perlu dilakukan dalam pengajaran fleksi *i'rab* ini. Pengajaran dan pembelajaran fleksi *i'rab* menggunakan jadual ringkas, kad pintar, kod warna, peta minda, permainan dan sebagainya pasti memberi dimensi baharu dalam pengajaran dan pembelajaran fleksi *i'rab* seterusnya memberi ruang dan peluang kepada pelajar, khususnya pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua, ruang dan peluang untuk memahami dengan lebih terperinci fungsi fleksi *i'rab* serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya bacaan kefahaman.

## **RUJUKAN**

Abbas Hassan. 1975. *Al-nahw al-wafi*. Misr: Dar Al-Ma'arif.

Ahmad Khair Mohd. Nor. 2005. Menulis membina keterampilan berfikir. *Pelita Bahasa*. Edisi 18(7), Hlm 12-14.

Ainol Madziah dan Isarji Hj. Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Edisi 9(2), Hlm 73-87.

Fadlullah an-Nur Ali. 2012. Al-*i'rab* wa atharuhu fi al-ma'na. *Majallah Al-'Ulum Al-Insaniah Wa Al-Iqtisadiyah*. Hlm 27-41.

Fairuz Abadi. 1995. *Al-Qamus Al-Muhit*. Beirut: Dar Al-Fikr.

Fuad Ni'mat. 1983. *Mulakhas qawaid al-lughah al-arabiah*. Damsyik: Dar al-Hikmah.

Harris Albert J. dan Edward R. Sipay. 1980. *How to increase reading ability*. New York: David Mckay Company. Inc.

Ibn Faris. 1975. *Al-Sahabi Fi Fiqh Al-Lughah*.

- Ibn 'Usfur al-Asbili. 1971. *Al-Muqarrab*. Baghdad.
- Ibrahim Anis. 1972. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Al-Qahirah.
- Jassem Ali Jassem. 2000. *Study a second language learners of Arabic: an error analysis approach*. Kuala Lumpur: Percetakan zafar Sdn. Bhd.
- Kennedy, E.C. 1981. *Methods in Teaching Developmental Reading*. F.E Peacock Publisher Inc: USA
- Mat Taib Pa. 2007. Dasar-dasar umum pengajaran bahasa Arab di Malaysia. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Hlm 1-14.
- Muhammad bin Mukarram bin Manzur. *Lisan Al-Arab*. (tt). Lisan al-Arab. Beirut: Dar Sadir.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamaruzzaman Ab. Ghani & Mowaffak Abdullah al-Qusyairi. 2008. *Fann al-Tadris al-Lughah al-Arabiyyah li Ghair al-Arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Proceeding of The International Conference on Education Innovation (ICEI). 2008. *Educational Innovation for Sustainable Development*. University Malaya.
- Rogers, E. M. 2003. *Dissfusion of Innovation*. 5th Edn. New York: Free Press.
- Spencer, W. R. 1994. *Innovaton: the communication of change in ideas, practices and products*. London: Chapman and Hall.
- Taman Hassan. 2001. *Al-lughah al-arabiah ma'naha wa mabnaha*. Dar al-Thaqafah.
- Yahya Othman. 2005. *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publication & Distribution.